Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda

Mimbar Nakhoda

BIL: 12/13 RAMADHAN 1435H/11 JULAI 2014 PERCUMA UNTUK AHLI JEMAAH MASJID

Kelebihan Ummat Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wassalam

Ka'ab Al-Ahbaar Radhiyallahu 'Anhu telah berkata:

اِنَّ اللّٰهَ اَكْرَمَ هَذِهِ الأُمَّةِ بِثَلاَثَةِ اَشْيَاءَ كَمَا اَكْرَمَ بِهَا اَنْبِيَاءِهَا. اَحَدُهَا اَنَّهُ جَعَلَ كُلَّ نَبِيٍ شَاهَدًا عَلَى قَوْمِهِ وَجَعَلَ هَذِهِ الأُمَّةَ شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ. وَقَالَ لِلرُّسُلِ: يَا اَيُّهَا الرُّسَلَ كُلُوْا مَنْ طَيِّبَاتِ وَاعْمَلُوْا صَالِحًا. وَقَالَ لِهَذِهِ الأُمَّةِ. كُلُوْا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ. وَقَالَ: لِكُلِّ نَبِيٍ دَعْوَةٌ مُسْتَجَابَةٌ وَقَالَ لِهَذِهِ الأُمَّةِ: اُدْعُوْنِى اَسْتَجِبْ لَكُمْ.

"Sesungguhnya Allah Subhanahu Wa Ta'ala telah memuliakan Ummat ini dengan dengan tiga macam kemuliaan yang diberikan kepada Para Nabi-nabi: 1) Allah menjadikan tiap Nabi sebagai saksi ke atas Ummatnya, dan Ummat ini dijadikan saksi atas semua manusia. 2) Allah berfirman kepada Para Rasul "Hai Para Rasul, makanlah kamu dari yang baik-baik halal dan beramallah yang Shalih, juga Allah Subhanahu Wa Ta'ala berfirman kepada Ummat ini, "Wahai orang-orang yang beriman, makanlah kamu dari yang halal dari apa yan telah Aku berikan kepadamu." 3) Setiap Nabi mempunyai doa yang mustajab dan Allah Subhanahu Wa Ta'ala berfirman kepada Ummat ini: "Berdoalah kamu dan Aku akan menerima untuk kamu". (Tanbih Al-Ghafilin)

PENGAJARAN HADITS

Allah Subhanahu Wa Ta'ala telah memuliakan Ummat Baginda Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wassalam dengan lima kemuliaan:

1. Allah menjadikan mereka lemah, supaya tidak sombong,
2. Mereka dijadikan kecik-kecil supaya tidak memberatkan perbelanjaan makan minum dan pakaian.
3. Menjadikan usia mereka pendek supaya kurang dosa mereka.
4. Menjadikan fakir miskin supaya meringankan hisab mereka di Akhirat.
5. Menjadikan mereka umat terakhir supaya tidak lama-lama tinggal dalam kubur.

Nabi Adam 'Alaihissalam berkata:


"Sesungguhnya Allah telah memberi kepada Ummat Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wassalam empat macam kemuliaan yang tidak diberikan kepada Ummatku."

1. Menetapkan Taubatku di Makkah, sedang Ummat Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wassalam akan diterima Taubat mereka di mana-mana tempat.
2. Dahulunya aku berpakaian dan ketika berbuat dosa ditelanjangi, sebaliknya Ummat Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wassalam, berbuat dosa dengan telanjang dan Allah memberi pakaian kepada mereka.
3. Ketika aku berbuat dosa, dipisahkan dengan isteriku, tetapi Ummat Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wassalam berbuat dosa dan tidak dipisahkan.
4. Saya telah berbuat dosa di dalam Syurga sehingga dikeluarkan daripadanya, sebaliknya Ummat Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wassalam berbuat dosa di luar Syurga kemudian dapat masuk Syurga sesudah Taubat.

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُتِبَ عَلَيْكُمُ ٱلصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ۝ أَيَّامًا مَّعْدُودَٰتٍ ۚ فَمَن كَانَ مِنكُم مَّرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ ۚ وَعَلَى ٱلَّذِينَ يُطِيقُونَهُۥ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ ۖ فَمَن تَطَوَّعَ خَيْرًا فَهُوَ خَيْرٌ لَّهُۥ ۚ وَأَن تَصُومُوا۟ خَيْرٌ لَّكُمْ ۖ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ۝

"Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa. Puasa yang diwajibkan itu ialah beberapa hari yang tertentu, maka sesiapa di antara kamu yang sakit, atau dalam musafir, bolehlah dia berbuka, kemudian wajiblah dia berpuasa sebanyak hari yang dibuka itu pada hari-hari yang lain, dan wajib atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa kerana tua dan sebagainya membayar Fidyah iaitu memberi makan orang miskin, maka sesiapa yang dengan sukarela memberikan bayaran Fidyah lebih dari yang ditentukan itu, maka itu adalah suatu kebaikan baginya, dan walaupun demikian, berpuasa itu lebih baik bagi kamu dari memberi Fidyah, kalau kamu mengetahui." [2:183-184]

Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda mengucapkan:



RAMADHAN AL-MUBARAK

KEPADA SELURUH UMMAT MUSLIMIN DAN MUSLIMAT

سموك برولیه رحمة

مغفرة دان كريضاءن الله

SEMOGA BEROLEH RAHMAT MAGHFIRAH DAN KEREDHAAN ALLAH

Mimbar Nakhoda ini diterbitkan secara mingguan oleh Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda, Jalan Nakhoda Tengah, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan dengan kerjasama Naqsyabandi Akademi Quran Sunnah Hadits, Madrasah Ulul Azmi, Kampung Sepakat Wira Damai, Batu Caves. Cetakan adalah terhad, maka digalakkan untuk difotostat dan diedarkan kepada orang lain, semoga Allah memberkati dan memberikan ganjaran pahala yang berterusan, Amin.

Ketua Editor: Ust. Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi

Penolong Editor: Sdr. Muhammad Taufiq

ALLAH TIDAK MEMERLUKAN TEMPAT, TANPA HAD DAN TANPA SUSUNAN ANGGOTA

Imam Abu Sulaiman Ahmad Al-Khattabi berkata. "Bukanlah makna perkataan Muslimin bahawa Allah di atas 'Arasy itu bahawa Dia menyentuhnya atau menetap di atasnya atau mengambil tempat daripada salah satu sudut daripada sudut-sudutnya. [A'lamul Hadits] Beliau berkata lagi, "Maha Suci Allah daripada memiliki tempat. [Ar-Risalah An-Nashihah] Imam Abu 'Utsman Al-Maghribi Sa'id bin Salam berkata, "Sesungguhnya Allah itu wujud tanpa tempat. Dia wujud kini seperti sediakala juga. [Ar-Risalah Al-Qusyairiyyah]

Para Salaf Shalih menafikan batasan atau had bagi Allah. Menurut Imam Ahmad Faris dalam kitab Mujmal Al-Lughah, "Had ialah suatu pemisah antara dua benda." Al-'Allamah Ibni Manzhur berkata, "Had ialah penghujung bagi sesuatu." Had atau batas adalah perkara lazim bagi sesuatu jasad atau jisim sedangkan Allah tidak terdiri daripada jasad dan jisim. Maha Suci Allah dari menyerupai jasad dan jisim. Hadhrat Sayyidina 'Ali berkata, "Sesiapa yang beranggapan Allah kita Mahdud (ada ruang lingkup tertentu atau ada had yang tertentu) bererti dia jahil mengenai Allah Maha Pencipta dan jahil mengenai Allah yang disembah. [Hilyat Al-Awliya] Imam 'Ali Zainal 'Abidin berkata, "Engkaulah Allah yang tidak mempunyai sebarang had." [Ittihaf Sa'adah Al-Muttaqin] Imam Ath-Thahawi (w.321H) yang mewakili pegangan 'Aqidah Imam Abu Hanifah (w.150H), Imam Abu Yusuf Al-Anshari dan Imam Muhammad bin Hassan Asy-Syaibani berkata, "Maha Tinggi dan Maha Suci Allah daripada sebarang had, sempadan, anggota dan alat." [Matan 'Aqidah Ath-Thahawiyyah] Imam Abu Bakar Ar-Razi (w.370H) berkata, "Ketahuilah, Allah itu Wujud dan bukanlah Dia jauhar yang memiliki batasan dan ukuran." [Syarah Bad'ie Al-'Amali]

Selanjutnya, adalah penafian anggota dan juzuk bagi Allah, kerana keanggotaan atau bahagian anggota tubuh adalah kelaziman terpenting sesuatu jisim, sedangkan Allah bukanlah sesuatu jisim. Sifat keanggotaan ialah suatu sifat jisim bagi sesuatu zat yang bercantum dengan sifat anggota badan yang lain lalu membentuk suatu bentuk Tarkib susunan tertentu. Syaikh Sa'id Fudah ketika menafikan Tarkib susunan bagi Allah berkata, "Sesungguhnya kami Ahli Sunnah menafikan usul tarkib susunan secara mutlak daripada Allah tanpa melihat kemungkinannya sesuatu yang tersusun itu boleh dipisah-pisahkan ataupun tidak. Oleh yang demikian, kemungkinan itu turut terkandung dalam penafian terhadap usul Tarkib itu sendiri." [Al-Kasyif Ash-Shaghir]

TOKOH ISLAM

HASSAN IBNI 'ALI

Hassan Ibni 'Ali Ibni Abi Thalib Radhiyallahu 'Anhu adalah ketua bagi kaum Sayyad, telah dilahirkan pada bulan Ramadhan tahun ke-3 Hijrah. Ketika Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam wafat, beliau berusia lebih kurang 7 tahun.

Meskipun umurnya yang masih sangat muda, beliau telah meriwayatkan beberapa Hadits. Hassan begitu terkenal dengan sifat Wara', Shalih dan lemah-lembut. Beliau meriwayatkan banyak Hadits-hadits yang kemudian dikumpulkan pula oleh Imam Ahmad dalam Musnadnya. Para Muhadditsin telah menyenaraikan Hassan Ibni 'Ali sebagai di antara mereka yang telah meriwayatkan sebanyak 13 Hadits. Dengan ingatan Hadits yang banyak dalam usianya 7 tahun adalah menunjukkan kebaktiannya kepada Agama Islam dan beliau juga memiliki daya ingatan yang kuat.

Suatu ketika, beliau telah ditanya, "Adakah kamu mengingati suatu sabdaan Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam?" Beliau menjawab, "Ya, pada suatu ketika, daku mengiringi Baginda. Dalam perjalanan kami itu, daku ternampak timbunan buah tamar untuk disedekahkan di satu tempat. Daku pun mengambil sebiji buah tamar dari timbunan itu lalu daku memasukkannya ke dalam mulutku."

Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam berseru, "Kakh! Kakh!" (seruan tanda tidak setuju), Kemudian Baginda mengeluarkan buah tamar itu dari mulutku dengan jarinya lalu bersabda, "Sedeqah itu tidak dibenarkan bagi kita," (iaitu Keluarga Nabi Shallallahu 'Alaihi Wasallam).

Beliau juga berkata, "Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam juga mengajarku mengenai bacaan-bacaan dalam Solat 5 waktu. Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam menasihati agar membaca doa berikut dalam Solat Witir:

"Ya Allah, pimpinlah aku sepertimana orang-orang yang Engkau pimpin. Permudahkanlah bagiku seperti orang-orang yang telah Engkau permudahkan. Jadilah temanku sepertimana Engkau telah menjadi teman orang-orang yang terdahulu. Rahmatilah apa yang telah Engkau kurniakan kepadaku. Jadikanlah aku seorang yang sabar dan bersyukur ke atas apa-apa yang Engkau telah tetapkan ke atasku, kerana keputusanMu adalah muktamad dan tiada sesiapa dapat mengubah kehendakMu. Sekiranya Engkau menjadi pelindung bagi seseorang itu, maka dia tidak dapat dihinakan. Wahai Tuhanku, Engkaulah Maha Pemberi Rahmat dan Engkaulah Yang Maha Tinggi."

ڤريستيوا – ڤريستيوا بسر: دبولن رمضان

نزول القرآن:

رمضان يڠ ڤداڽ دتورونكن القرآن منجادي ڤتونجوق دان ڤربيزاءن انتارا بنر دڠن يڠ ساله – البقرة: 185

ڤريستيوا يڠ منجادي راكمن سجاره دالم كهيدوڤن نبى محمد صلى الله عليه وسلم دان سلوروه أومة إسلام. ڤريستيوا يڠ برلاكو برڤريڠكت دان منجادي لڠكڤ سبكيمانا كتاب القرأن يڠ ادا ڤد ماس سكارڠ. ڤركتاءن **نزول** برمقصود تورون/ برڤينده دري أتس كباوه.

ڤڤراڠن بدر الكبرى:

دان سسوڠڬوهڽ الله تله منولوڠ كامو دالم ڤراڠ بدر ڤد حال كامو دالم كأداءن لمه كران ايت برتقواله كڤد الله اكر كامو برشكور – آل عمران: 123

ڤڤراڠن يڠ برلاكو ڤد 17 رمضان تاهون كدوا هجرة. ڤڤراڠن يڠ برلاكو دحجاز بهاڬين بارت سمننجوڠ عرب دمان أومة إسلام سرماي 313 اورڠ منتڠ قوم قريش يڠ تنتراڽ سرماي 1000 اورڠ. ڤواسا تيدق منجاديكن تنترا إسلام مراس لمه تتاڤي اڤبيلا تيبا ڤرتولوڠن الله تياد سسياڤ ڤون داڤت مڠهالڠ كمناڠن أومة إسلام.

فتح مكة:

اڤبيلا داتڠ ڤرتولوڠن الله دان كمناڠن دان اڠكو مليهت مأنسي ماسوق دالم اڬام الله برماي-رماي" – النصر: 1-2

ڤريستيوا يڠ برلاكو ڤدا 10 رمضان تاهون 6 هجرة. ڤريستيوا يڠ برلاكو سلڤس قوم مشركين مكة ملڠڬر ڤرجنجين حديبية يڠ تله ترمترائي انتارا أومة إسلام. كمراهن أومة إسلام سمڤاي كموڽچق سهيڠڬا بڬيندا رسول الله منولق انتوق برونديڠ دان كمراءن أومة إسلام دكتهوئي سلڤس ماسوق كمكة.

FADHILAT TAUBAT

Allah Taala telah berfirman dalam Surah Al-Baqarah 159-160:

إِنَّ ٱلَّذِينَ يَكْتُمُونَ مَآ أَنزَلْنَا مِنَ ٱلْبَيِّنَٰتِ وَٱلْهُدَىٰ مِنۢ بَعْدِ مَا بَيَّنَّٰهُ لِلنَّاسِ فِى ٱلْكِتَٰبِ ۙ أُو۟لَٰٓئِكَ يَلْعَنُهُمُ ٱللَّهُ وَيَلْعَنُهُمُ ٱللَّٰعِنُونَ ۝ إِلَّا ٱلَّذِينَ تَابُوا۟ وَأَصْلَحُوا۟ وَبَيَّنُوا۟ فَأُو۟لَٰٓئِكَ أَتُوبُ عَلَيْهِمْ ۚ وَأَنَا ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ ۝

"Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa yang Kami turunkan iaitu keterangan-keterangan dan petunjuk setelah Kami jelaskan kepada manusia dalam Kitab Al-Quran, mereka itulah yang dilaknat oleh Allah dan dilaknat oleh sekelian makhluk. Kecuali mereka yang telah bertaubat, memperbaiki dan menjelaskannya, mereka itulah yang diterima Taubatnya dan sesungguhnya Akulah Allah Maha Penerima Taubat dan Maha Penyayang." [Al-Baqarah: 159-160]

Baginda Rasulullah Shallallhu`Alaihi Wassalam bersabda:

التَّائِبُ مِنَ الذَّنْبِ كَمَنْ لاَذَنْبَ لَهُ

"Orang yang telah Taubat dari dosa itu bagaikan orang yang tidak berdosa."

Abu Hurairah Radhiyallahu 'Anhu berkata, Baginda Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wassalam bersabda, "Jika seseorang berbuat dosa lalu berkata, **"Ya Tuhan saya telah berbuat dosa maka ampunkan bagiku,"** Allah Subhanahu Wa Ta'ala menjawab, ***"Hambaku telah berbuat dosa, tetapi dia sedar mengetahui bahawa dia mempunyai Tuhan yang dapat mengampunkan atau menuntut dosanya maka Aku ampunkan baginya."***